

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]**

**SOALAN NO. 493**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) senarai projek naik taraf yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan di Hospital Besar Pulau Pinang serta butiran peruntukan; dan
- (b) sama ada terdapat kelewatan dan apakah perancangan untuk mengatasi kelewatan tersebut.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Di bawah RMK 11, terdapat lima (5) projek yang telah diluluskan bagi Hospital Pulau Pinang (HPP) seperti berikut:

- i. Naiktaraf Hospital Pulau Pinang (Fasa 2) dengan kos RM 15.43 juta, dalam Fasa Pelaksanaan;
- ii. Membina Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel dengan kos RM 16.15 juta dalam Fasa Perancangan;
- iii. Blok Wanita & Kanak-Kanak dengan kos RM 307.043 juta dalam Fasa Perancangan;
- iv. Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang dengan kos RM 500 juta dalam Fasa Perancangan; dan

- v. Kwarters Hospital Pulau Pinang dengan kos RM 74.10 juta dalam Fasa Perancangan.

**Yang di-Pertua,**

Bagi projek Naiktaraf Hospital Pulau Pinang (Fasa 2) yang sedang dalam fasa pelaksanaan, kemajuan semasa projek adalah **sebanyak 99% sebenar berbanding 100% jadual**. Projek ini masih belum boleh diserahkan kerana terdapat isu kerosakan *Operation Theatre (OT) Light* dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang telah mengadakan mesyuarat pada 15 Mac 2019 bagi menyelesaikan isu ini. Projek ini dijangka diserahkan selepas isu diselesaikan.

Sekian, terima kasih.